

**Najib Hargai Sumbangan Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Semasa Ke Kementerian
Kewangan
Bernama
19 September, 2012**

PUTRAJAYA, 19 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan kerjaya bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah mencerminkan tradisi perkhidmatan awam di Malaysia yang terbaik dengan bercirikan profesionalisme, integriti, amanah dan berhemah.

Perdana Menteri, dalam ucapan pada majlis meraikan sumbangan Wan Abdul Aziz, merakamkan penghargaan dan terima kasih atas segala sumbangan serta nasihat yang diberikan selama memegang jawatan itu.

"Saya selama ini amat menghargai sumbangan dan peranan yang dimainkan beliau terutama sekali sebagai penasihat kepada saya sebagai Menteri Kewangan dan Perdana Menteri," katanya pada majlis 'Malam Sekalung Budi Lambaian Kasih' di Kementerian Kewangan di sini Rabu.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan yang baru, Datuk Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Pada majlis tersebut, Najib menyampaikan cenderahati kepada Wan Abdul Aziz yang kontrak perkhidmatannya tamat pada 23 Ogos lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695822>